

# SIPMA: USIM tuan rumah pelancaran Larian Obor

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) telah diberi mandat oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) untuk menjadi arena pelancaran Larian Obor Kemerdekaan D'SIPMA 2007 pada 14 Ogos ini.

Acara ini merupakan sebahagian daripada promosi Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) yang akan berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) dari

20 hingga 25 Ogos ini.

Kejohanan dwitahunan ini yang diselenggarakan dengan temasya Sukan Malaysia (SUKMA), merupakan acara berprestij yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Kejohanan kali ini bakal melibatkan tujuh pasukan yang terdiri daripada Majlis Sukan Universiti Ma-

laysia (Masum), Majlis Sukan Politeknik Malaysia, Majlis Sukan Kolej Komuniti, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia, Institut Perguruan Malaysia dan pasukan dari Kolej-Kolej Swasta (IPTs).

Menurut Pegawai Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary cadangan pelaksanaan larian obor ini telah diputuskan di peringkat jawatankuasa

induk bagi menyemarakkan semangat meraikan kemerdekaan negara ke-50 tahun ini.

Tambah Ekmal, ia juga sebagai promosi kepada kejohanan ini melalui penglibatan pelbagai agensi.

Konvoi larian obor ini akan merentasi tujuh negeri bermula dari Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Perak, Pulau Pinang dan berakhir di Kedah di-

mana lokasi berlangsungnya kejohanan tersebut.

Dijangkakan lebih 10,000 peserta dan petugas terlibat dalam menayakan larian ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak penganjur di talian 06-798 8359/8363/ 8351 atau layari laman web <http://infosukan.usim.edu.my> atau [www.sipma.uum.edu.my](http://www.sipma.uum.edu.my).